

Sorotan Literatur Kes Perwarisan *al-Mafqud* di Malaysia

BITARAVolume 2, Issue 3, 2019: 114-122
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Nur Adni Md Shukri¹ & Noor Lizza Mohamed Said¹**Abstrak**

Permasalahan *al-mafqud* merupakan satu isu yang sering diperkatakan dewasa ini. Terdapat garis panduan yang diperuntukkan Islam untuk menangani masalah dan isu-isu tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan *al-mafqud* telah dibincangkan secara panjang lebar dalam kalangan ulama terdahulu dan ulama kontemporari bagi membolehkan perkara-perkara yang bersangkutan dapat diselesaikan seperti pembubaran perkahwinan, perwalian, perwarisan dan hak-hak ahli waris. Artikel ini memfokuskan kepada kes-kes *al-mafqud* orang Islam yang berlaku di Malaysia dan bagaimana perwarisan *al-mafqud* diselesaikan mengikut perundangan di Malaysia. Metode kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif yang mana rujukannya berbentuk keputusasaan.

Kata KunciHarta pusaka, *al-mafqud*, undang-undang, syariah**Cite This Article:**

Nur Adni Md Shukri & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. Ketokohan Haji Hasan Musa dalam seni *tarannum* di Malaysia dan kaedah tilawah al-Quran *al-Lahjah al-Arabiyyah*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 114-122.

Pengenalan

Artikel ini mengutarakan isu-isu yang wujud dalam kes *al-mafqud* di Malaysia. Dalam era yang serba moden dan canggih hari ini, masih ramai di luar sana yang tidak mengetahui bahawa kes anggapan kematian boleh dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan. Disebabkan oleh keterbatasan ilmu atau mungkin keliru dengan proses perundangan yang ada di Malaysia ini, maka ramai dalam kalangan kita yang memilih untuk mendiamkan diri serta menunggu kehadiran orang yang hilang itu tanpa melalui proses perundangan yang betul. Keadaan ini boleh menyebabkan beberapa hal yang berkaitan dengan kes *al-mafqud* ini mungkin tidak dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik. Antara perkara yang bersangkutan dengan kes *al-mafqud* ini ialah pembubaran perkahwinan, hak perwarisan dalam harta pusaka dan juga perwalian.

Tidak dinafikan bahawa kes *al-mafqud* ini telah lama dibahaskan oleh ulama terdahulu serta ulama kontemporari hari ini. Jelas menunjukkan keputusan setiap dari mereka juga berlainan mengikut peredaran masa dan keadaan dunia. Begitu juga dengan proses

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Noor Lizza Mohamed Said, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: lizza@ukm.edu.my

perundangan yang ditetapkan di Malaysia yang mana prosesnya agak rumit dan tidak hairanlah kes seumpama ini terlalu jarang dibawa ke mahkamah. Selain itu, keterbatasan kuasa Mahkamah Syariah untuk campur tangan dalam kes ini juga menjadikan kes ini sukar untuk diselesaikan memandangkan keputusan daripada Mahkamah Sivil juga amat penting dalam membuat keputusan. Sungguhpun, masing-masing telah mempunyai bidang kuasa masing-masing dalam menyelesaikannya, ia tetap dianggap sukar oleh ramai pihak kerana kes *al-mafqud* ini melibatkan dua bidang kuasa di bawah dua buah institusi kehakiman yang berbeza.

***al-Mafqud* Menurut Pandangan Islam**

al-mafqud sebagaimana di dalam *Sharah Mirath*, ialah seseorang yang ghaib yang mana tidak diketahui keadaannya, adakah dia masih hidup atau telah meninggal dunia (Abu Zahrah 1974). Menurut kitab daripada Mazhab Shafii, *al-mafqud* ialah nama bagi seseorang yang telah ghaib daripada negaranya dan tidak diketahui khabarnya samada masih hidup atau telah meninggal dunia.

Secara amnya seseorang itu dianggap hilang apabila (Khindir & Sabri 2015):

1. Terputus khabar berita
2. Tidak diketahui di mana berada
3. Tidak diketahui sama ada hidup atau mati
4. Telah dilakukan usaha pencarian yang bersungguh
5. Berlalu tempoh yang boleh dianggap hilang

Melihat kepada definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa *al-mafqud* ialah seseorang yang pada asalnya ada dan atas sebab-sebab tertentu dia hilang serta keberadaannya tidak dapat dikenal pasti di mana. Selain daripada tempat, keadaannya juga tidak diketahui samada masih hidup atau telah pun meninggal dunia.

Terdapat perbezaan definisi dari mazhab-mazhab berkenaan dengan tempoh menunggu bagi *al-mafqud* sehingga dihukumkannya mati. Secara asasnya, tempoh seseorang itu hilang atau ghaib adalah perkara utama yang perlu dipertimbangkan (Sulaiman et al. 2017).

Pendapat Mazhab Hanafi: Katanya “Dan apabila telah sempurna baginya 120 tahun”. Telah bercanggah riwayat sahabat-sahabat kami dalam bab tempoh *mafqud*, maka telah berkata Hassan daripada Abu Hanifah bahawasanya 120 tahun bermula dari hari kelahirannya, dan apabila telah sampai tempoh ini, maka kami hukuman ke atasnya telah mati. Mengikut pendapat dari Mazhab Maliki: Tempohnya selama 70 tahun, satu pendapat menyatakan 75 tahun, pendapat lain menyatakan 80 tahun dari kelahirannya. Pendapat lain pula ialah 90 tahun berserta tahun kelahirannya. Pendapat dari Mazhab Shafi‘i: Tempohnya selama 70 tahun, satu pendapat mengatakan 90 tahun dari kelahirannya iaitu tempoh meninggal dunia semua rakan seusianya yang hidup di negerinya. Menurut pendapat Mazhab Hanbali, tempoh menunggu *mafqud* ialah:

1. Sekiranya dalam keadaan selamat.

Jika dalam keadaan selamat, maka tempoh menunggu (ialah pada asalnya dia hidup dan tidak dihukumkan mati sehinggalah terdapat sangkaan bahawa dia telah mati) ialah 90 tahun (bahawa kebiasaannya tidak ada yang hidup lebih dari itu) sejak dari kelahirannya. Apabila telah hilang selepas 90 tahun maka hakim perlulah berijtihad dalam menetapkan tempoh tersebut.

2. Sekiranya dalam keadaan terancam.

Jika *mafqud* itu hilang dalam keadaan terancam, maka hendaklah menunggu selama 40 tahun bermula dari sejak *mafqud* itu hilang.

Melihat kepada perbezaan pendapat dalam menentukan tempoh menunggu *al-mafqud* dalam kalangan mazhab-mazhab jelaslah bahawa keputusan untuk menentukan seseorang itu hidup atau telah mati sangat penting untuk dipastikan dengan tepat kerana penetapan tersebut bakal memberi impak yang sangat besar dalam pelbagai aspek khususnya dalam harta pusaka *al-mafqud*. Namun begitu, keadaan semasa dengan kemodenan dan ketelusan dalam teknologi dunia hari ini perlulah diambil kira supaya tempoh menunggu boleh dipersingkatkan lagi bagi melancarkan urusan-urusan yang bersangkutan dengannya.

Berbeza pula keadaannya dalam menentukan tempoh menunggu dalam kes anggapan kematian ini berdasarkan undang-undang di Malaysia yang mana menurut Qibtiyah & Noralfishah (2015) mendapati bahawa tempoh yang diperuntukkan oleh Mahkamah Syariah ialah 4 tahun manakala Mahkamah Sivil Malaysia menetapkan tempoh penantian *al-mafqud* ialah selama 7 tahun (Qibtiyah & Noralfishah 2015). Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa kaitan *al-mafqud* dengan tempoh menunggu bagi membentuk anggapan kematian ini adalah tidak menemui keseragaman baik dari segi pandangan fuqaha mahupun dari undang-undang di Malaysia sendiri. Walau bagaimanapun, penentuan 4 tahun dari Mahkamah Syariah adalah selari dengan pendapat dari Mazhab Hanbali sebagai rujukan utama dalam memastikan hukum syarak tetap menjadi landasan untuk menentukan sesuatu permasalahan.

Isu dan Permasalahan Harta Pusaka Tidak Dituntut

Isu orang hilang (*al-mafqud*) telah lama dibincangkan oleh para ulama terdahulu dan juga para ulama kontemporari (Mushaddad et al. 2016) dan isu ini melibatkan harta pusaka yang tertanggung. Harta pusaka yang tidak dituntut merupakan satu perkara yang merugikan umat Islam kerana mereka tidak dapat menikmati harta yang ditinggalkan. Masalah harta pusaka ini menyebabkan harta tersebut terbeku dan tidak dapat dibangunkan bagi tujuan pembangunan ekonomi waris-waris (Khairy & Azwan 2016). Masalah peningkatan harta pusaka beku disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pengetahuan dan kepentingan pengurusan harta pusaka dikalangan masyarakat Islam (Surya et al. 2016). Hal ini disebabkan apabila sesuatu harta tersebut diisytiharkan sebagai beku, maka ia memerlukan pelbagai prosedur dan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikannya (Khairy & Azwan 2016).

Harta pusaka ialah harta yang ditinggal oleh seseorang yang mati untuk diwarisi oleh ahli keluarganya serta yang lain (Resali 2016). Menurut Hasliza et al. (t.th.) harta pusaka lebih difahami sebagai suatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta dan segala hak-hak yang menjadi miliknya semasa hidup, dan hak tersebut akan menjadi milik waris selepas kematiannya. Konsep harta pusaka dalam Islam didasari dan diperincikan secara langsung oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran.

Pada tahun 2005, terdapat 900,000 hak milik tanah daripada 6.2 juta hak milik yang didaftarkan di seluruh negara, masih berdaftar atas nama pemilik yang sudah meninggal dunia (Suraya et al. 2016; Khairy & Azwan 2016) dan pada 30 September 2005 Utusan Malaysia melaporkan bahawa RM471 juta harta pusaka masih gagal diagihkan kepada ahli warisnya (Bakir & Khatijah 2011). Pada tahun 2006 pula dianggarkan 1 juta kes tuntutan harta pusaka di Malaysia yang bernilai RM38 bilion yang masih tertunggak dan tidak diurus oleh waris-warisan dan keadaan ini berterusan pada tahun 2007 iaitu berlaku peningkatan RM40 bilion (Muslim & Mashitoh t.th.; Khairy & Azwan 2016) yang melibatkan lebih kurang 1 juta kes melibatkan RM38 bilion hartanah, RM1.5 bilion tunai dan RM70 juta simpanan KWSP (Suraya et al. 2016). Pada tahun 2009, nilai kes tuntutan kes harta pusaka beku telah mencecah lebih kurang RM42 bilion (Suraya et al. 2016) dan jumlah harta alih iaitu wang dan simpanan sejumlah RM31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) (Khairy & Azwan 2016; Hasliza et al. t.th.). Menurut Suraya et al. (2016) pada tahun 2011 pula dianggarkan RM42 bilion aset yang dimiliki hampir 500,000 benefisiari masyarakat Islam yang masih tidak diagihkan dan tahun 2012 juga menunjukkan peningkatan harta yang tidak diurus dan dituntut iaitu sebanyak RM45 bilion.

Menurut Muslim & Mashitoh (t.th.) 17 Februari 2013 Utusan Online mendedahkan bahawa sebanyak RM52 bilion nilai harta pusaka tertunggak dengan majoritinya milik orang Islam gagal diwariskan kepada individu yang berhak di seluruh negara dan 10 September tahun yang sama melaporkan bahawa Projek *al-mafqud* yang sedang diusahakan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mampu menjadi instrumen berkesan bagi menyelesaikan masalah harta orang Islam yang tidak dituntut yang kini mencecah RM66.6 bilion. Tahun 2014, dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion yang masih belum diselesaikan dan kini jumlah tersebut meningkat kepada RM60 bilion pada tahun 2016 (Harian Metro 2016; Khairy & Azwan, 2016; Hasliza et al. t.th.) Terbaru, pada 6 Mei 2017 melalui Utusan Malaysia, Pengarah Urusan Kumpulan ARB, Adenan Md. Yusof berkata, buat masa ini terdapat kira-kira 300 juta harta yang belum dituntut. Melihat kepada peningkatan jumlah harta pusaka dari tahun ke tahun, dapat disimpulkan bahawa ianya membawa kerugian yang besar dalam ekonomi negara dan kepada individu kerana harta tersebut akan dibekukan dan ahli waris tidak berpeluang untuk memanfaatkan harta tersebut serta dikembangkan. Maka menjadi lebih rumit sekiranya kes *al-mafqud* ini berterusan dan ahli waris tidak menuntut harta pusaka tersebut yang mana boleh membawa kesan yang amat besar sekali dan tidak mustahil peningkatan harta tersebut terus meningkat dan tidak terhenti di situ sahaja.

Sebagai ringkasannya, melihat kepada isu-isu yang berkaitan harta pusaka jelas menunjukkan bahawa isu ini tidak pernah sunyi dari setahun ke setahun. Peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut dan terbeku juga membawa kesan yang amat besar sekali seperti kerugian kepada ahli waris kerana tidak dapat mengusaha dan mengembangkan harta tersebut

sekaligus menyebabkan ianya terkesan dengan ekonomi negara. Dalam keadaan ini, maka sama ada institusi itu harus mencari inisiatif yang sesuai supaya harta pusaka ini dapat diurus dengan baik dan diberikan kepada yang berhak atau individu itu sendiri yang seharusnya bertindak lebih awal dengan membuat perancangan ke atas harta sendiri melalui wasiat atau hibah serta mengambil tahu undang-undang di Malaysia dalam langkah-langkah menguruskan harta pusaka dengan baik. Masyarakat perlulah mengatasi kedangkalan dari segi ilmu pengetahuan ini agar bilangan harta pusaka yang terbeku itu tidak meningkat untuk waktu akan datang.

Keterbatasan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dan Isu Perundangan di Malaysia

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta 56, seksyen 108 akta keterangan: Beban membuktikan bahawa seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama tujuh tahun masih hidup:

“Apabila soalnya sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya”.

Dalam kes *In Re Application of Tay Soon Pang; Ex P5*, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zawawi Salleh menegaskan berdasarkan seksyen 108 Akta 56, terdapat dua syarat penting untuk membentuk anggapan kematian. Pertama, hendaklah tiada apa-apa khabar yang telah didengar mengenai *al-mafqud* selama tujuh tahun dan kedua, ketiadaan khabar itu mestilah dialami oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup (Hadi 2014). Menurut Muslim Salleh (t.th) kes-kes harta pusaka *al-mafqud* dan termasuklah tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 dirujuk kepada undang-undang negara, bahawa seseorang itu boleh dianggap sebagai mati atau meninggal dunia oleh hakim sebagai keputusan mahkamah apabila setelah tidak dapat khabar berita tentang diri orang yang hilang itu dalam tempoh tujuh tahun, sebagai mana yang diperuntukkan dalam Akta 56, seksyen 108, Akta Keterangan 1950.

Kuasa mahkamah syariah untuk mengisytiharkan anggapan kematian di bawah seksyen 53(1) Akta 303 terpakai khusus untuk kes “bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula” sahaja dan tempoh yang dinyatakan ialah selama empat tahun penantian. Jika pengisytiharan anggapan kematian dibuat oleh mahkamah sivil maka pengisytiharan tersebut tidak boleh diguna pakai untuk tujuan perempuan itu berkahwin semula (Hadi 2014). Dalam seksyen 18, bahagian III, akta pendaftaran dan kelahiran 1957 menyatakan tiap-tiap yang mati di Malaysia ini hendaklah didaftarkan kematiannya dengan syarat mayatnya dijumpai.

Seksyen 53(1) Akta 303 selari dengan seksyen 806 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) berkaitan tempoh yang mana telah memperuntukkan seperti berikut:

“Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.”

Anggapan kematian yang dikeluarkan oleh hakim Mahkamah Syariah ini hanya untuk kes pembubaran perkahwinan atau fasakh sahaja, ia tidak boleh digunakan dalam pentadbiran harta pusaka *Mafqūd*. Secara kesimpulannya, Ini bermakna, bagi kes harta pusaka *Mafqūd* hendaklah dirujuk kepada seksyen 108, Akta Keterangan 1950 di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil yang mengeluarkan perintah anggapan kematian, bukan di rujuk kepada Fasal 54, Anggapan Mati. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Muslim Salleh t.th).

Melihat kepada situasi bidang kuasa yang dinyatakan, hal yang paling ketara dari segi percanggahan ialah melibatkan tempoh menunggu *al-mafqud* untuk diisytiharkan mati. Menurut perundangan Mahkamah Tinggi Sivil, tempoh menunggu ialah tujuh tahun manakala Mahkamah Syariah menetapkan tempoh selama empat tahun sahaja bagi menentukan kematian *al-mafqud*. Kemudian, keputusan untuk menentukan status isteri *al-mafqud* bagi pembubaran perkahwinan terletak pada bidang kuasa Mahkamah Syariah dan keputusan menentukan pembahagian harta pusaka *al-mafqud* terletak pada bidang kuasa Mahkamah Sivil sedangkan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, perkara 121 (1a), bahagian IX, badan kehakiman, kuasa kehakiman persekutuan menyatakan bahawa: “Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah”.

Kecelaruhan bidang kuasa yang melibatkan dua institusi yang berbeza dalam satu kes seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan kepada orang ramai untuk mendapatkan rujukan yang sebenar dalam menyelesaikan kes *al-mafqud*.

Isu dan Kes Perwarisan *al-Mafqud*

Di Malaysia, terdapat kes *al-mafqud* yang berlalu tanpa penyelesaian seperti isu wang caruman Kumpulan Wang simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut (Muslim Salleh et al.,2017). Menurut portal rasmi KWSP, KWSP sedang berusaha untuk menghubungi ahli yang berusia 75 tahun dan ke atas (atau waris mereka) yang mempunyai baki simpanan akaun di KWSP agar mengeluarkan simpanan mereka. *Harian Metro online* mengeluarkan “10.9 juta pencarum KWSP tiada nama”. Jumlah itu bersamaan 75.2 peratus daripada keseluruhan 14.5 juta ahli berdaftar dengan agensi berkanun berkenaan dan membabitkan nilai simpanan yang besar iaitu RM232.7 bilion (Fairul Asmaini et al. 2016). Sebagaimana yang berlaku pada peristiwa misteri kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370, yang

hilang daripada imbasan radar semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, pada 8 Mac 2014, sehingga kini masih dalam pencarian. Dalam situasi tersebut, bagaimana dengan harta si *Mafqud*, adakah harta tersebut boleh diagih-agihkan kepada ahli waris yang lain? Atau diserahkan kepada Baitul Mal? Atau? (Muslim Salleh et al. 2017)

Setakat hari ini, terdapat dua fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai isu *mafqud* (Hadi 2016) iaitu Tragedi Terowong al-Muassim dan keduanya ialah kes pesawat MH370 ini. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Tragedi Terowong al-Muassim, memutuskan bahawa kehilangan 19 orang jemaah haji Malaysia akibat Tragedi Terowong al-Muassim dianggap sebagai mati *mafqud*. Keterangan bagi menyabitkan kematian itu ialah:

- a. Telah habis usaha mencari mereka;
- b. Tidak ada bukti atau sangkaan bahawa mereka masih hidup dan bersembunyi diri di mana-mana tempat di Arab Saudi atau keluar dari negara itu ke sebuah negara lain dan bersembunyi di sana; dan
- c. Bahawa mereka itu bukan orang yang mencari peluang untuk melarikan diri dari negara ini.

Menurut Hadi (2016) sungguhpun Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan mengkategorikan *mafqud* dalam kes MH370 sebagai *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian yang dianggap kuatnya terkorban, Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan menegaskan bahawa bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka, pembubaran perkahwinan mangsa, atau hukum-hukum lain yang bersangkutan dengan tragedi ini, pihak berkuasa berkaitan hendaklah dirujuk berasaskan peruntukan undang-undang yang ditetapkan setelah pengesahan atau pensabitan kematian diputuskan oleh mahkamah (Hadi 2016). Datuk Dr. Azharuddin sendiri yang ditugaskan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Teknikal Peringkat Tertinggi MH370 berkata; “Selepas 327 hari dan dengan segala data yang diperoleh adalah tidak mungkin untuk kesemua penumpang dan kru yang berada di dalam pesawat tersebut berpeluang untuk hidup.” (Zulkifli al-Bakri 2017).

Menurut S.S Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri sendiri dalam kitab *Irsyad al-Fatwa*, disimpulkan bahawa impak yang besar kepada keluarga daripada sudut perkahwinan dan pembahagian harta pusaka jika mengisytiharkan mereka sudah meninggal dunia tanpa bukti yang jelas. Akhirnya, keputusan Hakim atau kerajaan dianggap sebagai penyelesai dan mengangkat sebarang khilaf yang berlaku seperti dalam kaedah masyhur dalam *Kitāb Buḥūth Nadwat al-Qaḍā’ī Shar‘ī fī ‘Aṣr al-Ḥaḍīr, bab al-maqasid almar’iyyah min taqniin al-ahkamul qada’iyyah*: “Keputusan hakim (pemerintah) mengangkat khilaf.”

Dalam konteks pengagihan harta pusaka mangsa MH370 hendaklah dirujuk kepada peruntukan undang-undang negara, dan bagi mengesahkan atau menyabitkan kematian mestilah diputuskan oleh hakim untuk mendapatkan perintah anggapan kematian. (Muslim Salleh t.th).

Kesimpulan

Dalam peruntukan undang-undang di Malaysia jelas menunjukkan bahawa kes *al-mafqud* ini dirujuk oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Selain dari bidang kuasa yang ditetapkan berbeza, ketidakseragaman dari segi tempoh juga jelas memberi kesukaran kepada waris yang mendaftarkan kes ini ke mahkamah. Peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan juga kelihatan tidak menjamin bidang kuasa Mahkamah Syariah yang mana pertindihan bidang kuasa ini telah mengecilkan lagi kuasa yang ada pada Mahkamah Syariah. Tidak dinafikan, untuk mencari keseragaman dalam kedua-dua institusi ini agak sukar memandangkan peruntukan undang-undang tidak sewenangnyanya boleh ditukar namun pihak yang berkuasa dalam bidang ini haruslah mengambil kira tentang bagaimana untuk memudahkan orang ramai menggunakan pakai perundangan ini. Terdapat beberapa perkara yang terkesan atas isu dan permasalahan yang dibincangkan malah ianya tidak lari dari melibatkan ramai pihak untuk turut bertanggungjawab memastikan isu ini selesai dengan cara yang terbaik. Adalah lebih baik sekiranya isu *al-mafqud* ini boleh memberi jaminan kemaslahatan kepada pihak-pihak yang terlibat. Dengan kemudahan yang diberikan boleh menjamin kes perwarisan *al-mafqud* di Malaysia dan mungkin boleh mengecilkan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut di Malaysia.

Rujukan

- Abu Zahrah, Muhammad. 1974. *Ahkam al-Tariqah al-Mawarith*. Dar al-Fikr al-^cArabi.
Akta Keterangan 1950 (Akta 56).
Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).
Bahagian Pengurusan Fatwa. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Bernama. 2016. RM60 bilion harta pusaka tidak dituntut. *Harian Metro*. 31 Januari. <https://www.hmetro.com.my/node/111497> 23 Mac 2019.
Fairul Asmaini Mohd Pilus & Nor' Asyikin Md Hayin. 2016. 10.9 juta pencarum KWSP tiada nama. *Harian Metro*. 15 Januari. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/01/107514/109-juta-pencarum-kwsp-tiada-penama> 27 Mac 2019.
al-Ghamidi, Nasir Muhammad ibn Mashri. 2015. *al-Khulasah fi 'Ilm Fara'id*. Makkat al-Mukarramah: al-Jami^cah Umm al-Qura.
Halimatun Sa'adiyah Mohd Mahdee. 2012. Permohonan anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam: Kajian di Mahkamah Syariah di Malaysia. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
Hasliza Talib, Nurhayati Abdul Ghani, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Nurul Syafini Abd Rahman, Noor Syahida Abdul Rahman & Farhana Abd Samad. 2017. Isu-isu tuntutan harta pusaka: Satu sorotan literatur. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial &Kemanusiaan*. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/ekonomi/03-HASLIZA-TALIB.pdf> [13 April 2018].

- al-Kasani, Abu Bakr ibn Mas'ud. t.th. *al-Bada'ic al-Sana'ic fi Tartib Shara'ic*.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. t.th. Caruman tidak dituntut. *Laman Web Rasmi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja*. <http://www.kwsp.gov.my/ms/member/contribution/unclaimed-contribution> [27 Mac 2019].
- Mariyatul Qibtiyah Mohamad & Noralfisah Sulaiman. 2015. Isu dalam menguruskan harta al-mafqud di Malaysia. *Proceedings Strengthening Islamic Economics and Financial Institution for the Welfare of Ummah*, hlm. 9.
- Mariyatul Qibtiyah Mohamad & Noralfisah Sulaiman. 2015. Pengurusan harta al-mafqud di Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat. *Proceedings Strengthening Islamic Economics and Financial Institution for the Welfare of Ummah*, hlm. hlm. 6.
- Md Yazid Ahmad, Mohd Zamro Muda, Noor Lizza Mohamed Said & Zamzuri Zakaria. 2015. Pelaksanaan permohonan perintah faraid menurut undang-undang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia. Dlm. Mohammad Zaini Yahaya, Md. Yazid Ahmad & Anwar Fakhri Omar (pnyt.). *Isu Syariah & Undang-Undang Siri 21*, hlm. 44-53. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Hadi Abd Hamid. 2014. Anggapan kematian al-mafqud menurut undang-undang sivil dan syariah: Satu penilaian semasa. *Jurnal Kanun* 26(1): 26-37.
- Mohd Kamarul Khaidzir Saadan. 2016. Implikasi pengisytiharan kematian al-mafqud terhadap pemilikan harta pusaka. *International Conference on Aqidah, Dahwah and Syariah Proceeding*, hlm. 1834-1844.
- Mohd Khairy Kamarudin & Azwan Abdullah. 2016. Amalan pembahagian faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(3): 11-19.
- Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Asrul Hery Ibrahim, Azwan Abdullah & Siti Fariha Muhamad. 2015. Pembahagian pusaka di kalangan waris: Pendekatan AHP. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam*, hlm.127-132.
- Mohd Muslim Salleh & Siti Mashitoh Mahamood. 2016. Konsep hukum dan perundangan serta model penyelesaian bagi kes al-mafqud dalam pentadbiran harta pusaka. *Proceeding International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016*, hlm. hlm. 216-231.
- Mohd Muslim Salleh, Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Ezwan Rafiq Hussin. 2017. Penyelesaian harta pusaka mafqud menurut perspektif undang-undang Islam. *Umran: International Journal of Islamic and Civilization Studies* 4(1): 41-55.
- Muhammadul Bakir Yaakub & Khatijah Othman. 2011. Konflik pembahagian harta pusaka (al-mirath) dan krisis identiti dalam institusi kekeluargaan masyarakat Melayu: Satu tinjauan dari perspektif Islam. *International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity Proceeding*. http://irep.iiium.edu.my/16516/2/MBakir_Article_Mirath_Edt.pdf [9 Ogos 2018].
- A'dad min Ulama' wal bahithin. *Kitab Buhuth Nadwat al-Qada'i Shar'ic fi 'Asr al-Hadir*.
- Noor Lizza Mohamed Said. 2014. Kedudukan mafqud dalam pewarisan. *Utusan Malaysia*. 1 Mei.
- Perlembagaan Persekutuan*.
- Sulaiman, M.A., Wan Yusoff, W.Z., Al-Edrus, S.M.D. & Shafie, Fa. 2017. Management of missing's person properties in maqasid syariah dimension. *Sains Humanika* 9: 1-5.

- Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzlinda Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi harta pusaka beku di Malaysia. *Proceeding of the 3rd International Conference of Managment and Muamalah*, hlm. 311-315.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2017. *Irsyad al-Fatwa*. Norazillah Mohd Hashim & Muhammad Ezzat Adnan (pnyt.). Batu Caves: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.